



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	11/5/2019	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	SPAN / AIR SELANGOR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Bekalan air di 53 kawasan kembali pulih

SHAH ALAM - Hampir 82 peratus atau kira-kira 53 lokasi daripada keseluruhan 65 kawasan yang terjejas akibat gangguan bekalan air di sekitar Klang, kembali menerima bekalan itu sehingga jam 12 tengah hari semalam.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad berkata, pihaknya masih menggerakkan bantuan lori tangki ke kawasan yang masih belum pulih.

"Kami ingin maklumkan bahawa sehingga jam 12 tengah hari tadi bekalan air di 82 peratus kawasan dari jumlah keseluruhan 65 kawasan yang terjejas telah pun kembali pulih.

"Pihak kami sedang mempergiatkan segala usaha untuk mempercepatkan pemulihan bekalan ke semua kawasan," katanya



ABDUL RAOF

semalam.

Beliau berkata, pihaknya meneruskan operasi empat pusat khidmat setempat bagi bantuan bekalan air.

Terdahulu, 65 kawasan di Klang mengalami gangguan bekalan air selepas tiga paip utama di tapak projek pembinaan Lebuh-raya Pesisiran Pantai Barat (WCE) Banting-Taiping pecah sejak Sabtu lepas.